

# KESAN PROSES LATIHAN LAKON TEATER TERHADAP PEMBANGUNAN KEMAHIRAN LISAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

## *THE EFFECTS OF THEATRE ACTING TRAINING PROCESSES ON THE DEVELOPMENT OF ORAL COMMUNICATION SKILLS AMONG HIGHER EDUCATION STUDENTS*

Mazrona Kalinggalan<sup>1\*</sup>  
Asmiaty Amat<sup>2</sup>  
Fazilah Husin<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF), Universiti Malaysia Sabah Jalan UMS,  
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah Jalan UMS,  
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

<sup>3</sup>Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia,  
43400 Serdang Selangor, Malaysia

[mazronakal@ums.edu.my](mailto:mazronakal@ums.edu.my)\*

*Dihantar/Received: 14 Aug 2025 | Penambahbaikan/Revised: 01 Dec 2025  
Diterima/Accepted: 13 Dec 2025 / Terbit/Published: 25 Dec 2025*

DOI: <https://doi.org/10.51200/ga.v15i2.7152>

---

### ABSTRAK

Kemahiran lisan yang efektif memainkan peranan penting dalam memastikan pelajar dapat berkomunikasi dengan jelas dan berkesan dalam pelbagai situasi, baik ketika masih di universiti atau setelah bergelar graduan. Penulisan ini membincangkan bagaimana proses latihan lakon teater memberikan kesan terhadap pembangunan kemahiran lisan dalam pelajar. Penelitian dijalankan dengan mengaplikasikan pendekatan latihan teater yang melibatkan 10 topik dibangunkan khas untuk meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar kepada responden terpilih. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif, data dikumpul melalui temubual separa berstruktur dan catatan jurnal daripada 35 responden yang terdiri daripada pelajar universiti. Satu modul latihan pelakon teater diaplikasikan kepada responden selama 14 minggu. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan analisis tematik untuk mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan peningkatan kemahiran komunikasi lisan pelajar. Fokus utama artikel ini adalah kepada aspek-aspek komunikasi lisan yang berupaya dibangunkan melalui latihan teater, yang bertujuan untuk membantu pelajar mengasah keupayaan mereka dalam menghadapi situasi komunikasi yang pelbagai dan mencabar. Hasil kajian menunjukkan berlaku perubahan yang positif dalam aspek komunikasi lisan pelajar yang terlibat selepas terlibat dengan proses latihan pelakon teater.

**Kata Kunci:** Kemahiran lisan, kemahiran insaniah, komunikasi, keyakinan diri, teater dalam pendidikan, latihan teater, teater dan kemahiran insaniah.

## ABSTRACT

*Effective oral communication skills play an important role in ensuring that students are able to communicate clearly and efficiently in various situations, whether during their university years or after graduating. This paper discusses how the process of theatre acting training contributes to the development of students' oral communication skills. This study was conducted by applying a theatre training approach involving ten specially developed topics aimed at enhancing students' communication abilities among selected respondents. Using a qualitative methodology, data were collected through semi-structured interviews and journal entries from 35 respondents consisting of university students. A theatre actor training module was implemented over a period of 14 weeks. The collected data were analysed using thematic analysis to identify the key themes related to improvements in students' oral communication skills. The main focus of this article is on the aspects of oral communication that can be developed through theatre training, with the aim of helping students refine their abilities to navigate diverse and challenging communication situations. The findings indicate positive changes in the oral communication skills of students who participated in the theatre actor training process.*

**Keywords:** *oral skills, soft skills, communication, self-confidence, theatre in education, theatre training, theatre and soft skills*

## PENGENALAN

Kemahiran lisan merupakan salah satu komponen terpenting dalam komunikasi yang merujuk kepada keupayaan seseorang untuk menyampaikan mesej dengan jelas dan berkesan melalui pertuturan. Dalam konteks pendidikan tinggi dan dunia profesional, kemahiran lisan yang baik sangat dihargai kerana memainkan peranan utama dalam pembentangan idea, perbincangan kumpulan, dan interaksi sosial yang lain.

Menurut Beebe et al. (2019), kemahiran komunikasi yang berkesan melibatkan kedua-dua komponen *verbal* dan *non-verbal*. Penguasaan kedua-dua elemen ini membolehkan seseorang untuk menyampaikan maklumat dengan lebih meyakinkan, memperkukuh kefahaman audiens, dan mengelakkan sebarang kekeliruan dalam komunikasi. Dalam dunia pekerjaan, kemahiran lisan yang baik bukan hanya membolehkan seseorang untuk berkomunikasi dengan jelas, tetapi juga meningkatkan keyakinan diri dan memperbaiki hubungan antara individu, yang merupakan aspek penting dalam kerjasama dan kepimpinan.

Goh dan Siow (2016) menyatakan bahawa kemahiran komunikasi lisan yang kukuh memainkan peranan signifikan dalam pencapaian kejayaan profesional kerana graduan dengan kemahiran komunikasi yang baik lebih cenderung berjaya dalam temu duga dan mencapai kejayaan dalam kerjaya mereka. Mereka menekankan bahawa selain kemahiran teknikal, kemahiran berkomunikasi adalah kunci utama dalam memajukan kerjaya, terutama dalam dunia yang semakin kompleks.

Dalam konteks pendidikan tinggi, kemahiran lisan merupakan salah satu komponen utama yang digariskan perlu diterapkan dalam kalangan pelajar bagi menghasilkan bakal graduan dan tenaga kerja negara yang berkualiti dan kompetitif. Oleh itu dalam Dasar Pembangunan Pendidikan Negara 2020-2025, elemen kemahiran insaniah merupakan antara aspek yang ditekankan bagi melahirkan pelajar yang seimbang akademik dan sahsiahnya. Lama sebelum ini, satu modul pembangunan kemahiran insaniah dibangunkan sebagai panduan dalam memperkasa pembangunan sahsiah pelajar dengan penerapan kemahiran insaniah dikenali sebagai Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (IPTA) 2006. Dalam modul ini terdapat tujuh kemahiran insaniah yang digariskan perlu diterapkan dalam kalangan pelajar universiti salah satunya adalah kemahiran komunikasi. Dalam kemahiran komunikasi terdapat beberapa atribut dan salah satunya yang penting adalah kemahiran lisan. Oleh itu, penguasaan kemahiran lisan adalah elemen penting yang perlu diberi

perhatian sepanjang tempoh pengajian di IPTA, kerana ia memberi impak yang signifikan kepada kejayaan akademik dan kerjaya pelajar selepas tamat pengajian.

Burbules (2021) menyatakan bahawa kemahiran komunikasi lisan yang baik adalah asas kepada interaksi profesional yang berjaya dan penting untuk pembangunan perhubungan dalam organisasi. Walaupun pencapaian akademik adalah faktor utama dalam kejayaan pelajar di universiti, kemahiran lisan menjadi salah satu faktor penentu dalam memastikan graduan dapat bersaing di pasaran kerja. Mustapa Mohamed (2007) menyatakan bahawa banyak graduan IPTA yang gagal memperoleh pekerjaan walaupun memiliki pencapaian akademik yang baik, kerana mereka kekurangan kemahiran lisan yang diperlukan untuk berkomunikasi dengan jelas dan penuh keyakinan. Fenomena ini menunjukkan bahawa untuk berjaya, graduan perlu menguasai lebih daripada sekadar ilmu akademik; mereka juga perlu memupuk kemahiran untuk menyampaikan idea mereka dengan berkesan dan yakin.

Menurut kajian oleh Ahmad Esa et al. (2005), ramai graduan menghadapi cabaran besar dalam dunia pekerjaan kerana kekurangan dalam penguasaan kemahiran komunikasi, terutamanya dalam menyampaikan idea secara jelas dan yakin. Keupayaan untuk berkomunikasi secara berkesan adalah satu kemahiran yang sangat dicari oleh majikan, kerana ia membolehkan individu untuk berinteraksi dengan lebih baik dalam situasi profesional. Dapatan ini selaras dengan kenyataan Tan Sri Dr. Mohd Nadzmi Mohd Salleh (2017); graduan yang kekurangan kemahiran lisan, walaupun memiliki pencapaian akademik yang cemerlang, sering kali gagal dalam temu duga kerana ketidakmampuan mereka untuk menyampaikan idea dengan penuh keyakinan. Jannah & Ismail (2023) mengesahkan bahawa komunikasi lisan yang efektif memainkan peranan besar dalam penilaian majikan terhadap graduan. Mereka mendapati bahawa graduan yang mampu menguasai komunikasi verbal secara jelas dan yakin, termasuk menggunakan intonasi suara yang betul, lebih cenderung berjaya dalam temu duga dan penilaian prestasi di tempat kerja. Hal ini menunjukkan pentingnya penguasaan teknik komunikasi lisan yang berkesan dalam kalangan pelajar IPTA.

Dalam membangunkan kemahiran lisan pelbagai pendekatan boleh diaplikasikan terutamanya pendekatan bersifat latihan praktikal yang dilihat lebih berkesan kerana melibatkan pelajar dalam situasi komunikasi yang sebenar. Salah satu yang boleh diteroka ialah melalui proses latihan persiapan pelakon teater. Latihan yang melibatkan aktiviti pementasan, latihan vokal, dan latihan berkomunikasi di hadapan orang ramai merupakan salah satu kaedah yang terbukti efektif dalam membina keyakinan dan meningkatkan kebolehan komunikasi lisan pelajar. Beebe et al. (2019) menyatakan bahawa aktiviti teater memberi pelajar peluang untuk mengatasi rasa takut bercakap di hadapan orang ramai, mempertingkatkan penguasaan suara, dan memperbaiki ekspresi tubuh yang merupakan elemen penting dalam komunikasi yang berkesan. Latihan seumpama memberi ruang kepada pelajar untuk mengembangkan kemahiran lisan dalam suasana yang lebih interaktif, sekaligus mempersiapkan mereka untuk menghadapi pelbagai cabaran komunikasi yang akan mereka hadapi di dunia profesional. Latihan ini juga memberi pelajar peluang untuk memperkukuhkan kemahiran mendengar dan berinteraksi dengan audiens. Beebe et al. (2019).

## **SOROTAN KAJIAN**

Hubungkait antara teater dan kemahiran insaniah atau kemahiran sosial bukanlah perkara baharu kerana pelbagai kajian telah dilakukan untuk meneroka fungsi dan manfaat yang diperoleh melalui teater dan drama. Robert Smith, Tim Mac et al., (2007) menyentuh mengenai penerapan pembelajaran seni dalam pelbagai lapisan masyarakat, termasuk mereka yang berisiko dan pelajar kurang upaya. Penulis turut menekankan hubungan antara teater, sastera, dan kemahiran sosial, dengan memberi penekanan kepada bagaimana teater berfungsi sebagai medium untuk meningkatkan kognisi sosial dan interaksi dalam pelbagai kumpulan masyarakat. Smith menyatakan bahawa pendekatan teater dikenali sebagai '*the pretend world of theatre*', berfungsi sebagai ruang neutral yang membolehkan pelajar dapat berinteraksi, berkomunikasi secara

kreatif, dan mengeksperimen tanpa tekanan sosial.

Hal ini seiring dengan pandangan John Dewey dalam *Arts as Experience* (1934), yang menekankan bahwa seni, termasuk teater, dapat mencipta ruang demokratik bagi pembelajaran. Menurut Dewey, kerja seni bersama-sama memberikan peluang untuk pelajar mencari titik perhubungan antara pengalaman hidup dan representasi teatrikal mereka, sekaligus mencipta peluang pembelajaran yang inklusif dan penuh makna. Dalam hal ini, teater berfungsi bukan sahaja sebagai alat hiburan tetapi juga sebagai medium yang mendorong perkembangan kemahiran insaniah pelajar, terutamanya kemahiran komunikasi sosial yang penting dalam kehidupan mereka.

Teater juga telah digunakan sebagai medium dalam membangunkan kemahiran sosial dalam kalangan kanak-kanak, termasuk mereka yang mempunyai keperluan khas seperti autisme. Dalam kajian oleh Patti Hartigan (2012), *Using Theater to Teach Social Skills*, teater dilihat sebagai alat untuk membantu kanak-kanak autisme mengembangkan kemahiran komunikasi dan sosial mereka. Melalui pendekatan permainan teater dan improvisasi, kanak-kanak ini belajar untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan lebih baik dengan rakan-rakan mereka. Hasilnya, kanak-kanak autisme yang terlibat dalam program ini menjadi lebih mudah berinteraksi berbanding dengan keadaan mereka sebelumnya, menunjukkan betapa pentingnya teater dalam meningkatkan kemahiran sosial dan interpersonal.

Kajian oleh Blythe A. Corbett, Joan Gunther, dan Dun Commins (2010) mengenai penggunaan teater terapi untuk kanak-kanak autisme. Kajian ini menunjukkan bahawa teater dapat membangkitkan kemahiran sosial yang penting bagi individu tersebut, seperti komunikasi, kerja berpasukan, dan kepekaan terhadap orang di sekeliling mereka. Penemuan ini seiring dengan kajian Deeney et al. (2001) yang menjelaskan bahawa teater membantu dalam pembangunan personaliti dan kepekaan sosial seseorang individu.

Teater telah lama dikenali sebagai alat yang berkesan dalam pembangunan kemahiran komunikasi. Pelbagai kajian terkini menunjukkan bahawa penglibatan dalam aktiviti teater, termasuk latihan vokal dan pementasan, mampu meningkatkan kemahiran komunikasi lisan dan bukan lisan, serta kemahiran sosial dalam kalangan pelajar dan masyarakat umum. Teater menyediakan platform interaktif untuk mengasah kemahiran komunikasi dalam suasana yang tidak formal, membolehkan individu berlatih ekspresi diri, empati, dan pengurusan emosi, yang merupakan elemen penting dalam komunikasi yang berkesan.

Kajian oleh Hu dan Shu (2025) menunjukkan bahawa kolaborasi dan komunikasi dalam pendidikan drama meningkatkan kemahiran pemikiran kritikal pelajar. Mereka mendapati bahawa apabila pelajar berinteraksi dalam suasana yang menggalakkan kreativiti dan kolaborasi, mereka lebih cenderung untuk memikirkan idea secara kritikal dan menyampaikan pendapat mereka dengan lebih terbuka. Kajian ini juga menunjukkan bahawa latihan dalam drama meningkatkan bukan sahaja kemahiran komunikasi tetapi juga keyakinan diri pelajar dalam berbicara di hadapan audiens.

Lewandowska (2023) dalam kajian meta-analisisnya menunjukkan bahawa penglibatan dalam teater meningkatkan kemahiran sosial, empati, dan toleransi dalam kalangan remaja. Kajian ini menekankan bahawa teater berfungsi sebagai ruang untuk memupuk komunikasi sosial yang lebih baik, membolehkan remaja berinteraksi dalam suasana yang menggalakkan. Teater bukan sahaja membantu mereka berkomunikasi dengan lebih baik, tetapi juga memberi peluang untuk belajar mendengar dan menghargai pendapat orang lain dalam kumpulan. Ini menunjukkan betapa pentingnya teater dalam membangunkan kemahiran sosial dan interpersonal, yang diperlukan dalam dunia pekerjaan dan kehidupan seharian.

Sementara itu, kajian oleh Eschenauer (2023) meneroka peranan teater improvisasi dalam mengembangkan kemahiran komunikasi melalui kreativiti, pengurusan emosi, dan pengeluaran lisan. Kajian ini mendapati bahawa teater improvisasi membantu individu

menguruskan emosi dan meningkatkan kemahiran komunikasi dalam situasi yang tidak dijangka. Dalam teater improvisasi, peserta didorong untuk berfikir secara spontan, yang meningkatkan kelancaran mereka dalam berkomunikasi tanpa persediaan awal. Ini merupakan kemahiran penting yang diperlukan dalam dunia pekerjaan, di mana situasi yang tidak dijangka sering kali berlaku dan memerlukan tindak balas yang pantas dan tepat.

Teater juga berfungsi sebagai alat pendidikan inklusif yang membolehkan individu daripada pelbagai latar belakang berkomunikasi dan berinteraksi tanpa batasan. Gause (2024) menunjukkan bahawa teater memberi peluang kepada pelajar dari latar belakang yang berbeza untuk menyuarakan pendapat mereka dalam suasana yang sama rata. Kajian ini juga mendapati bahawa teater meningkatkan keupayaan pelajar untuk memahami norma sosial, nilai, dan kebudayaan orang lain, yang sangat penting dalam pembangunan masyarakat inklusif. Hal ini sesuai dengan matlamat pendidikan inklusif yang cuba menghapuskan halangan komunikasi antara individu dari pelbagai latar belakang sosial dan budaya.

Satu kajian oleh Kyomugisha (2024) meneroka peranan seni persembahan, terutamanya teater, dalam meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar. Kajian ini mendapati bahawa aktiviti berasaskan persembahan membolehkan individu mengembangkan kemahiran ekspresi diri, mendengar secara aktif, berinteraksi dalam kumpulan, dan berfikir secara kritis. Sebagai contoh, latihan vokal dalam teater membantu pelajar mengatasi masalah suara lemah dan meningkatkan kejelasan komunikasi.

Di Malaysia, pelbagai kajian menunjukkan pengaruh teater dalam pembangunan kemahiran komunikasi. Sebagai contoh, kajian oleh Balkis Omar dan Marlenny Deenerwan (2024) mengenai Model Teater Interaktif AJIH menunjukkan bagaimana teater digunakan untuk meningkatkan interaksi sosial di kalangan pelajar Orang Asli. Aktiviti teater ini menggalakkan pelajar untuk berkomunikasi dan berkongsi pendapat mereka dalam suasana yang inklusif, merangsang komunikasi antara pelajar biasa dan pelajar kurang upaya. Sementara kajian oleh Mohd Amir Mohd Zahari (2020) di Politeknik Kuching Sarawak menilai bagaimana penggunaan produksi teater dalam pembelajaran genre drama meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar dalam bahasa dan sastera. Melalui penglibatan dalam produksi teater, pelajar tidak hanya meningkatkan kemahiran verbal tetapi juga belajar untuk berinteraksi dalam kumpulan, meningkatkan keyakinan diri dan kepimpinan. Ini membuktikan pendekatan teater dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar.

Dalam konteks yang lebih luas, teater dalam pendidikan dapat membantu individu, tidak kira latar belakang atau keperluan khas mereka, untuk mengasah kemahiran insaniah yang penting seperti komunikasi. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka lagi potensi teater dengan memberikan fokus kepada kemahiran lisan pelajar melalui proses latihan pelakon teater yang berstruktur bagi melihat kesannya secara terperinci.

Sorotan kajian menunjukkan bahawa teater mempunyai hubungan yang kukuh dan konsisten dengan pembangunan kemahiran insaniah, khususnya kemahiran komunikasi sosial dan lisan. Secara keseluruhannya, bukti menunjukkan bahawa teater merupakan alat pedagogi yang efektif untuk mengasah kemahiran insaniah, termasuk komunikasi lisan. Justeru, terdapat keperluan untuk meneroka dengan lebih mendalam bagaimana proses latihan teater yang berstruktur dapat menyumbang secara langsung kepada pembangunan kemahiran lisan pelajar, khususnya dalam konteks pendidikan tinggi.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk mengenal pasti latihan yang sesuai untuk membangunkan kemahiran lisan di kalangan pelajar IPTA. Data dikumpulkan melalui temubual dengan pelajar yang telah menyertai latihan vokal dan pementasan dalam program latihan teater. Jurnal refleksi yang ditulis oleh pelajar selepas setiap sesi latihan juga digunakan untuk

menganalisis peningkatan kemahiran lisan mereka, khususnya dalam konteks keyakinan diri dan kebolehan untuk berkomunikasi dengan jelas di hadapan audiens. Data yang dikumpulkan daripada temubual dan jurnal refleksi ini dianalisis menggunakan analisis tematik, tema-tema utama yang berkaitan dengan peningkatan kemahiran komunikasi lisan dikenalpasti dan diterangkan secara terperinci. Data diteliti, dikodkan dan dikelaskan secara sistematik untuk mengenal pola makna yang berulang, daripada analisis tersebut, beberapa tema utama berkaitan peningkatan kemahiran komunikasi lisan pelajar telah dikenal pasti. Setiap tema diuraikan secara terperinci bagi menunjukkan bagaimana pengalaman latihan lakon teater menyumbang kepada perkembangan aspek komunikasi. Proses ini membantu memberikan gambaran yang lebih mendalam tentang perubahan yang dialami pelajar sepanjang mengikuti latihan teater.

## DAPATAN

Berdasarkan hasil temubual dan catatan jurnal yang diperoleh dari responden yang terlibat dalam latihan teater, beberapa tema utama yang berkaitan dengan peningkatan kemahiran lisan pelajar telah dikenalpasti.

| Tema Utama                                | Deskripsi Ringkas                                        |
|-------------------------------------------|----------------------------------------------------------|
| Keyakinan Diri                            | Meningkatkan keberanian dan keyakinan menyampaikan idea. |
| Teknik Vokal & Pementasan                 | Penguasaan teknik suara dan ekspresi pentas.             |
| Kebolehan menyampaikan idea dengan pantas | Keupayaan berfikir secara spontan                        |
| Fleksibiliti & Keaslian                   | Menyesuaikan penyampaian secara kreatif dan autentik.    |
| Kemampuan Menarik Minat Audiens           | Kebolehan memikat dan mengekalkan perhatian penonton.    |

**Jadual 1 :** Tema Utama Peningkatan Kemahiran Lisan

### a) Peningkatan Keyakinan Diri dalam Menyampaikan Idea

Salah satu elemen utama yang ditemui dalam kajian ini adalah peningkatan keyakinan diri pelajar apabila menyampaikan idea secara lisan. Analisis menunjukkan bahawa penglibatan responden selepas terlibat dalam proses latihan teater memberi impak positif terhadap keyakinan diri mereka ketika menyampaikan idea secara lisan. Sebelum latihan, majoriti responden melaporkan perasaan malu, gugup, dan kurang berani bercakap di hadapan orang ramai. Melalui aktiviti seperti latihan vokal, persembahan bersajak dan pembentangan hasil aktiviti dalam kumpulan, responden berupaya meningkatkan keyakinan diri mereka dalam menyuarakan pendapat serta idea secara spontan. Latihan vokal khususnya dilihat membantu mereka mengawal suara, melontarkan suara dengan jelas, dan mengurangkan rasa gementar. Dapatan ini selari dengan konsep komunikasi berkesan yang menekankan keberanian dan keyakinan dalam menyampaikan maklumat (Rosenblatt, 1983). Selain itu, interaksi kumpulan yang konsisten meningkatkan keterbukaan responden terhadap penerimaan idea orang lain, seterusnya menyokong pembentukan kemahiran komunikasi interpersonal yang baik.

| Tema                | Contoh Petikan/Catatan Jurnal                                                                                                                                    | Impak Terhadap Kemahiran Lisan                 |
|---------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------|
| Keberanian bercakap | “Sebelum ini saya jarang dan malu bercakap dengan orang lain. Namun selepas kelas ini, saya mampu berkomunikasi dan mencari kawan baharu.”<br>(Kumpulan 1, 2019) | Meningkatkan keyakinan bercakap secara spontan |
| Penggunaan          | “Latihan vokal membantu saya untuk melontar suara                                                                                                                | Memperbaiki                                    |

| Tema                       | Contoh Petikan/Catatan Jurnal                                                                                                                                         | Impak Terhadap Kemahiran Lisan            |
|----------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------|
| latihan vokal              | dengan jelas dan menambah keyakinan saya untuk bertanya soalan semasa perbentangan.” (Kumpulan 1, 2019)                                                               | kelancaran dan kejelasan suara            |
| Penerimaan idea orang lain | “Kelas ini meningkatkan keyakinan saya untuk bercakap di hadapan orang ramai dan apabila orang lain berkongsi idea, saya dapat dengar dan terima.” (Kumpulan 3, 2019) | Membina komunikasi dua hala yang berkesan |

**Jadual 2 : Peningkatan Keyakinan Diri Dalam Menyampaikan Idea**

b) Penguasaan Teknik Vokal dan Bahasa Badan dalam Kemahiran Lisan

Satu lagi tema yang penting adalah penguasaan teknik vokal yang diperoleh oleh pelajar melalui latihan pementasan. Teknik vokal membantu pelajar meningkatkan kawalan suara dan meningkatkan kejelasan ketika bercakap. Penguasaan suara adalah elemen penting dalam komunikasi lisan yang berkesan, terutamanya dalam konteks pembentangan atau situasi komunikasi awam. Pementasan memberi peluang kepada pelajar untuk berlatih menyampaikan mesej dengan lebih yakin, mengawal nada suara, intonasi, dan ekspresi verbal yang sesuai. Peningkatan dalam teknik vokal ini membolehkan pelajar bercakap dengan lebih jelas, yang juga membantu dalam mengatasi masalah suara lemah atau tidak jelas yang sering menjadi halangan dalam komunikasi awam.

| Tema                               | Contoh Petikan/Catatan Jurnal                                                                                                            | Impak Terhadap Kemahiran Lisan                               |
|------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------|
| Latihan Vokal                      | "Latihan vokal membantu saya mengawal suara dan membuatkan saya lebih yakin apabila bercakap di hadapan orang ramai." (Kumpulan 2, 2019) | Meningkatkan kejelasan dalam komunikasi                      |
| Ekspresi diri melalui gerak tubuh  | “Dalam keadaan malu, kami tidak dapat memberi respon dengan lisan namun bahasa badan boleh.” (Kumpulan 1, 2019)                          | Membantu komunikasi tanpa lisan, menambah keberkesanan mesej |
| Pemerhatian gerak tubuh orang lain | “Pemerhatian pendengar berkaitan gerak badan membantu untuk memahami mesej yang disampaikan.” (Kumpulan 1, 2019)                         | Memperkuat kemahiran memahami mesej secara keseluruhan       |
| Pengaplikasian dalam pembentangan  | “Saya gunakan pergerakan badan yang dipelajari dalam teater semasa pembentangan.” (Kumpulan 1, 2019)                                     | Mempertingkatkan keyakinan dan keberkesanan komunikasi       |

**Jadual 3 : Penguasaan Teknik Vokal dan Bahasa Badan dalam Kemahiran Lisan**

c) Kebolehan menyampaikan idea dengan pantas

Kemahiran menyampaikan idea dengan pantas dan tepat masa adalah cabaran yang berjaya ditangani melalui aktiviti improvisasi dan simulasi aksi-reaksi dalam proses latihan teater. Responden melaporkan bahawa latihan bertindak spontan meningkatkan keupayaan mereka untuk menjana idea baru dengan cepat, berfikir secara kreatif, dan memberi respon secara segera dalam perbincangan atau persembahan. Analisis menunjukkan bahawa kemampuan ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan komunikasi lisan tetapi juga membentuk fleksibiliti kognitif responden dalam menghadapi situasi komunikasi yang berbeza.

| Tema                    | Contoh Petikan/Catatan Jurnal                                                                                                                                         | Impak Terhadap Kemahiran Lisan                                           |
|-------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------|
| Spontan dan improvisasi | “Kami dapat menyuarakan pendapat dan idea di khalayak ramai, kemahiran komunikasi meningkat kerana dapat berfikir dan berkomunikasi dengan cepat.” (Kumpulan 3, 2019) | Meningkatkan kelancaran berkomunikasi dan menjawab soalan secara spontan |
| Aksi & reaksi           | “Action and Reaction adalah skill yang dipelajari. Reaksi diberikan bergantung kepada aksi, dan ini melatih imaginasi serta spontaniti.” (Catatan jurnal)             | Membantu bertindak serta-merta dalam komunikasi                          |

**Jadual 4 :** Kebolehan menyampaikan idea dengan pantas

d) Fleksibiliti dan Keaslian dalam Penyampaian Idea

Proses latihan lakonan turut memberi peluang kepada responden untuk meningkatkan kelancaran dan keaslian dalam menyampaikan idea. Responden yang sebelum ini pasif dilaporkan menjadi lebih proaktif, mampu berkomunikasi secara spontan tanpa bergantung pada teks atau skrip. Aktiviti yang disertai dilihat berupaya meningkatkan keyakinan mereka menggunakan bahasa badan dan ekspresi verbal secara bersahaja, sekaligus membentuk gaya komunikasi yang lebih autentik. Pengalaman ini menunjukkan bahawa penglibatan aktif dalam latihan teater memupuk keberanian, fleksibiliti, dan kreativiti dalam penyampaian idea dengan lebih baik dan lancar.

| Tema                    | Contoh Petikan/Catatan Jurnal                                                                                                                                   | Impak Terhadap Kemahiran Lisan                            |
|-------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------|
| Komunikasi spontan      | “Saya lebih cenderung untuk bercakap dan membuat pembentangan secara spontan tanpa teks.” (Kumpulan 2, 2019)                                                    | Melatih spontaniti dan kreativiti berbahasa               |
| Penggunaan bahasa badan | “Saya bertambah yakin apabila berkomunikasi dengan orang lain. Saya mampu menggunakan bahasa badan dan menyuarakan pendapat dengan lantang.” (Kumpulan 3, 2019) | Meningkatkan keberkesanan komunikasi lisan dan non-verbal |

**Jadual 5 :** Fleksibiliti dan Keaslian dalam Penyampaian Idea

e) Kemampuan untuk Menarik Minat Penonton

Kemahiran menarik perhatian audien berkembang melalui latihan aksi-reaksi dan ekspresi. Responden belajar untuk menyesuaikan ekspresi wajah, nada suara, dan gerak tubuh bagi memastikan mesej disampaikan dengan berkesan. Data temubual menunjukkan bahawa keupayaan ini juga diaplikasikan dalam konteks lain, seperti pembentangan akademik kerana mereka dapat menarik perhatian rakan sekelas walaupun topik yang dibentangkan dianggap membosankan. Analisis menunjukkan bahawa kombinasi latihan vokal, ekspresi, dan interaksi kumpulan membentuk kemahiran komunikasi yang lebih menyeluruh dan efektif untuk menarik minat penonton.

| Tema                     | Contoh Petikan/Catatan Jurnal                                                                                                  | Impak Terhadap Kemahiran Lisan                        |
|--------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------|
| Interaksi dengan audiens | “Semasa aktiviti Aksi dan Reaksi, kami belajar menarik perhatian orang lain dan berkomunikasi dengan baik.” (Kumpulan 2, 2019) | Membina kemahiran komunikasi interaktif               |
| Ekspresi & mimik         | “Aktiviti ini mengajar saya meyakinkan seseorang melalui riak muka dan menari                                                  | Mempertingkatkan keberkesanan komunikasi, mengekalkan |

|       |                                                                                 |                                                            |
|-------|---------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------|
| Tema  | Contoh Petikan/Catatan Jurnal                                                   | Impak Terhadap Kemahiran Lisan                             |
| muka  | perhatian pendengar” (Catatan jurnal)                                           | fokus audiens                                              |
| Vokal | “Lakonan berkumpul menambah keyakinan di hadapan orang ramai.” (Catatan jurnal) | Meningkatkan keyakinan dan pengaruh dalam komunikasi lisan |

**Jadual 6 : Kemampuan untuk Menarik Minat Penonton**

## PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa salah satu hasil yang paling ketara dalam kalangan responden adalah peningkatan keyakinan diri selepas menjalani latihan vokal dan pementasan. Keyakinan diri adalah aspek utama dalam komunikasi lisan yang berkesan. Seperti yang dijelaskan oleh Tan Sri Dr. Mohd Nadzmi Mohd Salleh (2017), kekurangan keyakinan menjadi faktor utama yang menyebabkan graduan gagal dalam temu duga, meskipun mereka cemerlang secara akademik. Dalam konteks ini, latihan vokal yang memberi tumpuan kepada pengawalan suara, intonasi, dan kelantangan suara berfungsi untuk membantu pelajar mengatasi ketakutan mereka dalam menyampaikan pendapat atau idea di hadapan audiens. Ini menunjukkan bahawa latihan vokal yang diberikan dalam latihan teater sangat berkesan dalam meningkatkan keyakinan diri pelajar dalam komunikasi verbal, yang seterusnya meningkatkan kemampuan mereka untuk bercakap dengan lebih jelas dan yakin.

Pementasan sebagai satu bentuk aktiviti komunikasi yang melibatkan interaksi langsung dengan audiens, turut menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam kemahiran lisan pelajar. Dalam kajian ini, responden menyatakan bahawa pengalaman mereka dalam pementasan memberi mereka peluang untuk berlatih berbicara di hadapan orang ramai, yang mana ini memberi impak positif terhadap kebolehan mereka untuk bercakap dengan lebih yakin. Seperti yang dilaporkan oleh Beebe et al. (2019), penglibatan dalam pementasan membantu mengembangkan keupayaan pelajar untuk mengawal ekspresi wajah dan bahasa tubuh, dua elemen bukan lisan yang sangat penting dalam komunikasi yang berkesan. Penggunaan ekspresi wajah dan bahasa tubuh yang tepat adalah kunci untuk menyampaikan mesej dengan lebih meyakinkan dan berkesan. Pementasan juga memberi ruang untuk responden melatih kemahiran mendengar dan memberi respon.

Selain memperbaiki kemahiran lisan, latihan teater juga berupaya meningkatkan kemahiran bukan lisan seperti bahasa tubuh, ekspresi wajah, dan pengawalan pergerakan yang semuanya sangat penting dalam komunikasi berkesan. Menurut Burbules (2021), komunikasi lisan bukan hanya bergantung pada perkataan yang diucapkan, tetapi juga pada bahasa tubuh dan ekspresi wajah yang menyokong mesej yang disampaikan. Dalam kajian ini, latihan pementasan memberi peluang kepada pelajar untuk mengasah kemahiran ini, yang boleh meningkatkan kefahaman audiens terhadap mesej yang disampaikan. Hal ini dapat dilihat dalam latihan-latihan yang melibatkan pementasan teater di mana pelajar perlu menyesuaikan ekspresi wajah mereka dengan kandungan mesej untuk menyampaikan emosi atau mesej yang tepat kepada audiens. Perkara ini sekaligus mempersiapkan mereka untuk menghadapi cabaran komunikasi dalam dunia profesional. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Goh dan Siow (2016), kemahiran komunikasi yang baik adalah aset yang sangat dihargai oleh majikan. Dengan memberikan latihan yang melibatkan komunikasi langsung dan penglibatan dalam pementasan, pelajar bukan sahaja belajar cara berkomunikasi dengan lebih jelas dan yakin, tetapi mereka juga belajar untuk berinteraksi dalam situasi yang memerlukan kerjasama, penerimaan, dan fleksibiliti dalam komunikasi.

## KESIMPULAN

Latihan persiapan pelakon, yang menggabungkan latihan vokal, pementasan, dan aktiviti berkumpul, merupakan satu kaedah yang berkesan dalam membangunkan kemahiran lisan pelajar justeru pendekatan ini perlu diintegrasikan secara lebih meluas dalam kurikulum IPTA kerana dengan menambah latihan interaktif ini dalam pengajaran. Melalui latihan yang bersifat praktikal dan kolaboratif ini, pelajar dapat mengasah keberanian bertutur, kejelasan penyampaian, kemampuan mengawal emosi, serta kecekapan berinteraksi dalam situasi sosial yang pelbagai. Kemahiran-kemahiran ini amat penting dalam konteks dunia pekerjaan masa kini yang menuntut graduan yang mampu berkomunikasi dengan yakin, bekerja secara berpasukan, serta menyampaikan idea secara profesional. Integrasi latihan teater dalam kurikulum IPTA juga berupaya memberi nilai tambah terhadap kebolehpasaran graduan selari dengan keperluan industri yang semakin menekankan kemahiran insaniah sebagai penanda aras kecemerlangan pekerja. Dalam pasaran kerja yang sangat kompetitif, keupayaan untuk bercakap dengan yakin, mempengaruhi pendengar, dan menyesuaikan diri dalam situasi komunikasi *real-time* menjadi aset penting dalam bidang seperti perkhidmatan, pengurusan, pendidikan, kesihatan, dan industri kreatif. Oleh itu, latihan teater berfungsi sebagai salah satu intervensi yang mampu mengurangkan jurang kemahiran komunikasi yang sering dikenal pasti sebagai kelemahan utama dalam kalangan graduan di negara ini.

## RUJUKAN

- Ahmad Esa, H., & Hodgs, A. (2005). *Kemahiran komunikasi dalam pendidikan tinggi*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Ain Nabiha Awaludin. (2024). *Kemahiran komunikasi mahasiswa di Universiti Malaya*. Universiti Malaya.
- Balkis Omar, & Marlenny Deenerwan. (2024). *Teater interaktif AJIH dalam pendidikan kanak-kanak Orang Asli*. University of Malaya.
- Beebe, S. A., Beebe, S. J., & Ivy, D. K. (2019). *Communication principles for a lifetime* (7th ed.). Pearson Education.
- Blythe, A. C., Corbett, J., & Commins, D. (2010). *The impact of theatre on social and emotional skills in children with autism*.
- Burbules, N. C. (2021). *Communication and critical pedagogy in education*.
- Corbett, B. A., Gunther, J., & Commins, D. (2010). *The impact of theatre on social and emotional skills in children with autism*. Routledge.
- Deeney, A., et al. (2001). *The role of theatre in personal development and growth*.
- Eschenauer, K. (2023). *Improvisation theatre: Enhancing communication and emotional management*. PMC.
- Gause, K. (2024). *The role of theatre in inclusive education and communication*. PMC.
- Goh, C., & Siow, S. (2016). *A study of communication skills in university graduates*. *Journal of Professional Development*, 12(2), 58–65.
- Harun, S., & Rahim, H. (2022). *The role of theater in developing oral communication skills among university students: A case study*. *International Journal of Educational Studies*, 24(1), 15–30.
- Hu, C., & Shu, H. (2025). *The effect of drama education on enhancing critical thinking through collaboration and communication*. MDPI.
- Kyomugisha, N. (2024). *The role of performance arts in enhancing communication skills*. ResearchGate.
- Lewandowska, K. (2023). *The impact of theatre on social skills in adolescents*. Taylor & Francis.

- Mohd Amir Mohd Zahari. (2020). *Penggunaan produksi teater dalam pembelajaran genre drama*. Politeknik Kuching.
- Mustapa Mohamed, D. (2007). *Kegagalan graduan mendapat kerja: Keperluan kemahiran insaniah*. Bernama.
- Musa, R., Aziz, S., & Haji Salleh, M. (2023). *Impact of vocal training and theater workshops on enhancing oral communication in university students*. *Journal of Higher Education Communication*, 11(1), 22–36.
- Nadzmi Mohd Salleh, T. D. M. (2017). *Graduan dan temu duga: Isu keyakinan diri*. Nadicorp Holdings.
- Rosenblatt, L. (1983). *The role of reading and literature in a democratic society*. National Education Association.
- Smith, R., Mac, T., et al. (2007). *Better practices in theatre education*.
- Jannah, S., & Ismail, N. (2023). *Oral communication skills and its impact employability: A focus on university graduates*. *Journal of Communication Studies*, 18(2), 50– 67.